

10/09/1998

Pemecatan Anwar tepat (HL)

Ahmad Burak; Ebi Azly Abdullah; Bahari Ariff

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan Umno atas nilai moral yang rendah adalah tepat dan mengikut syariat Islam, kata bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Sehubungan itu, beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, apa yang ditekankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membuat keputusan itu selaras prinsip seorang pemimpin.

"Seorang pemimpin haruslah mengamalkan akhlak dan moral yang tinggi, mengikut konsep kepemimpinan melalui teladan kerana amalan beliau tentunya akan menjadi turutan pengikut.

"Berdasarkan faktor itu, Perdana Menteri membuat keputusan yang betul dan mengikut syariat Islam," katanya ketika dihubungi petang ini.

Semalam, Dr Mahathir, selepas memberi penjelasan kepada perwakilan Umno bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra menegaskan, Anwar dipecat kerana mempunyai nilai moral yang rendah.

Sambil menafikan wujudnya pakatan untuk menjatuhkan Anwar, Perdana Menteri berkata tingkah laku Anwar tidak layak untuk menjadi pemimpin sebuah negara Islam seperti Malaysia.

Satu affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi minggu lalu mengaitkan Anwar melakukan hubungan homoseksual, seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

Zainal Abidin, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Melor, berkata seseorang pemimpin tidak saja harus menonjolkan kepemimpinan yang terpuji, tetapi perlu memiliki akhlak dan budi pekerti mulia.

"Seseorang pemimpin yang dipilih rakyat harus memimpin rakyat ke jalan yang benar, bukan memesongkan. Dalam konteks Umno, mereka juga dilantik untuk menyampaikan amanat Allah kepada pengikutnya. Jadi budi pekerti dan akhlak mereka mesti kukuh," katanya.

Mengenai kenyataan Anwar bahawa beliau 'diadili' sebelum kes itu dibicara di mahkamah, Zainal Abidin menjelaskan, Rasulullah sendiri pernah menyatakan baginda terpaksa membuat keputusan berdasarkan fakta dan keterangan yang ada.

"Sehubungan itu, Dr Mahathir membuat keputusan berdasarkan keterangan yang ada...kerana yang akhirnya Allah saja yang mengetahui perkara sebenarnya," katanya.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, yang turut menyokong penjelasan Dr Mahathir itu berkata, Anwar sebagai pemimpin Islam tidak patut melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran agama.

"Persoalan moral itu luas dan apa yang berlaku tidak sesuai dengan slogan kepemimpinan melalui teladan.

"Yang pertama soal moral dan akhlak. Sebagai pengganti (kepada Perdana Menteri) ini paling penting. Kita boleh tahu ini...dia punya nilai dalam agama bukan sahaja luaran tetapi juga dalaman. Macam kita bercakap, tetapi tak buat.

"Perbualan Anwar dengan isteri orang ketika suaminya tidak ada, sudah cukup dan tidak boleh diterima dalam hukum Islam," katanya.

Seorang lagi ahli MT Umno, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Umno kekal dengan dasarnya iaitu seseorang pemimpin atau ahli yang menimbulkan kontroversi seperti dikaitkan moral dan rasuah, perlu berundur dalam politik.

"Perdana Menteri memberi contoh kes Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan Tan Sri Rahim Thamby Chik yang terpaksa berundur selepas dilanda kontroversi,"

katanya.

"Ahli Umno perlu ambil kes ini sebagai sesuatu yang positif daripada Presiden dan orang luar Umno tidak perlu pertikai.

"Pelantikan ahli MT, Naib Presiden dan Timbalan Presiden adalah soal dalaman Umno.

"Keterangan Presiden Umno semalam adalah perkara yang jelas dalam politik Umno," katanya.

Sementara itu di Pulau Pinang, veteran Umno dan bekas Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Mohd Yussof Mohd Latiff, berkata pemimpin perlu memiliki peribadi dan akhlak mulia seperti dituntut agama.

"Kita perlu mempunyai keperibadian dan akhlak yang tinggi.

"Ini terutama mereka yang menjadi pemimpin, termasuk mereka bukan Islam," katanya.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Pulau Pinang, berkata pemimpin yang disanjung tinggi dari segi kewibawaan dan moralnya, mestilah dicerminkan menerusi perlakuannya.

(END)